

PERPUSTAKAAN UNIVERSITI MALAYA


No.Mikrofis: 1 1 0 5 5

Kamera : OMNNIA OK 102


Nisbah Perkecilan : 1:27

Tarikh: 19 | O G O S | 1 9 9 2

Jurukamera : mohdshariff



MULA



V.M.O.



240-1111

PERANAN INSTITUSI INFORMAL DALAM
PEMBENTUKAN SOLIDARITY

MOHD HILMI BIN. MOHD SUHADIS


NO. MATRIK: 056216

LATIHAN ILMIAH
BAGI MEMENUHI SEBAHAGIAN
DARIPADA SYARAT-SYARAT UNTUK
IJAZAH SARJANA MUDA SASTERA



JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR

SESI 1991/92



UNIVERSITY OF MALAYA LIBRARY . MICROFILM .



PENGHARGAAN

Kajian ini terhasil tidak atas usaha pengkaji seorang diri. Ia adalah juga dengan kerjasama dan bantuan yang diberikan oleh penduduk kampung Sungai Udang, di mana ianya dijalankan. Di sini saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada penghulu kampung ini yang banyak memberikan kerjasama sehingga terhasilnya kajian ini, dan juga kepada penduduk kampung ini serta responden yang sudi meluangkan masa mereka untuk pengkaji.

Ucapan terima kasih juga untuk Dr Mohd Nor yang banyak memberikan bantuan dan panduan sehingga siapnya kajian ini. Kerana tanpa bantuan beliau, tentunya pengkaji akan menghadapi masalah menyiapkan kajian ini.

Kajian ini dilakukan sebagai memenuhi syarat untuk mendapatkan Ijazah Sarjana Muda Sastera, Universiti Malaya. Kajian ini dijalankan di kampung Sungai Udang, Kelang iaitu mengenai sejauh mana institusi-institusi informal yang bergerak dalam masyarakat ini memainkan peranan bagi mewujudkan solidarity dalam masyarakat ini.

Bab satu adalah membincangkan mengenai objektif kajian ini dijalankan serta melihat latar belakang kampung ini. Ini termasuklah mengenai lokasinya, penduduk dan pentadbiran kampung ini. Bab dua pula membincangkan mengenai konsep-konsep yang digunakan dan teori yang dipakai bagi menjalankan kajian ini. Antara konsep yang digunakan bagi menjalankan kajian ini termasuklah konsep mengenai institusi informal serta solidarity. Teori yang digunakan pula adalah teori Emile Durkheim yang dihasilkan oleh beliau dalam bukunya *The Division Of Labour In Society*. Beliau telah mengemukakan dua idea dalam bukunya, iaitu mengenai solidarity yang wujud dalam masyarakat tradisi dan masyarakat moden.

Bab tiga pula adalah membincangkan mengenai latar belakang masyarakat kajian, iaitu mengenai latar belakang sosioekonomi mereka dan hubungan yang terjalin diantara anggota masyarakat. Didapati hasil dari kajian yang dijalankan, struktur masyarakat Jawa ini adalah beragam. Ini adalah sebagai akibat dari proses-proses pembangunan yang diterimanya akibat dari kedudukannya yang berhampiran dengan bandar. Manakala hubungan yang dilalui oleh anggota

masyarakat ini secara keseluruhannya adalah harmonis. Tetapi dari kajian yang dijalankan terdapat pola-pola hubungan yang berlainan dari aspek umur dan jantina.

Bab empat pula adalah membincangkan mengenai analisa kajian ini secara terperinci. Bab ini adalah mengenai hubungan yang dialami oleh anggota masyarakat dan faktor yang mempengaruhinya. Di mana dalam bab ini pengkaji cuba melihat pola-pola penyertaan individu masyarakat dalam pergerakan institusi informal serta faktor yang mempengaruhinya. Analisa yang dijalankan adalah meliputi seperingkat umur masyarakat dan jantina. Bab ini juga mengandungi analisa pengkaji mengenai kesan-kesan yang ditinggalkan akibat dari penyertaan tersebut, terutamanya terhadap tingkat hubungan anggota masyarakat ini.

Bab lima merupakan bab terakhir dalam kajian ini, di mana dalam bab ini pengkaji akan memberikan rumusan-rumusan yang didapati terhadap masalah kajian., yang mana mendapati sememangnya penyertaan individu dalam institusi informal adalah meninggalkan kesan terhadap tingkat hubungan anggota masyarakat ini.

KANDUNGAN

	Hal
BAB 1: PENGENALAN.	
1. OBJEKTIF KAJIAN	1
2. METHODOLOGI	1
i- Pengumpulan Data	
ii- Kajian Perpustakaan	
iii- Persampelan	
3. MASALAH SEMASA KAJIAN	6
4. LATAR BELARANG TEMPAT KAJIAN	8
BAB 2: KONSEP DAN TEORI.	
1. DEFINISI KONSEP	12
2. TEORI	17
BAB 3: LATAR BELAKANG RESPONDEN DAN MASYARAKAT.	
1. BUTIR-BUTIR RESPONDEN	23
i- Jantina	
ii- Umur	
iii- Pendapatan	
iv- Ras	
2. HUBUNGAN ANGGOTA MASYARAKAT.	27
i- Hubungan antara lelaki dan perempuan.	
ii- Hubungan antara peringkat umur	
3. INSTUTISI INFORMAL YANG WUJUD	36
BAB 4: ANALISA KAJIAN.	
1. PENYERTAAN RESPONDEN DALAM INSTITUSI	41
i- Institusi keluarga	

- ii- Institusi keagamaan
- iii- Institusi pendidikan
- iv- Majlis keramaian
- v- Institusi perubatan

2. KESAN PENYERTAAN

53

BAB 5: RUMUSAN

1. Bentuk solidarity
2. Peranan institusi informal dalam pembentukan solidarity

58

BIBLIOGRAPHY

64 •

LAMPIRAN

1. PENGANTAR :

Kajian ini adalah mengenai masyarakat Jawa di kampung Sungai Udang, Kelang. Bab 1 ini adalah mengenai pengenalan kajian ini, di mana dalam bab ini akan menyentuh mengenai objektif kajian, metodologi yang digunakan serta latar belakang tempat kajian. Bab seterusnya akan membincangkan mengenai teori yang digunakan serta hasil dan analisis kajian ini.

1.2 OBJEKTIF KAJIAN :

Secara umum, objektif kajian ini adalah untuk melihat tahap hubungan yang dijelani oleh masyarakat Jawa di kampung Sungai Udang. Analisa kajian ini akan cuba meng-huraikan sejauh mana tahap hubungan tersebut dipengaruhi oleh penyertaan serta pergerakan institusi-institusi informal dalam masyarakat ini. Tujuan kajian adalah melihat bentuk solidarity yang wujud dalam masyarakat ini, kaitannya dengan pergerakan institusi informal serta kesan dan perubahan yang diterima oleh masyarakat ini sebagai akibat dari perubahan arus pelodenan ke dalam budaya tradisi.

Secara khususnya, objektif kajian ini adalah untuk melihat dan menganalisa ;

- i- melihat tingkah hubungan atau bentuk solidarity yang dijelani oleh anggota masyarakat Jawa, di kampung Sungai Udang.